

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Kapasiti hospital, pusat kuarantin cukup: PM

MAEPS jadi tempat rawatan berisiko rendah jika bilangan kes meningkat

Kuala Lumpur: Kapasiti di hospital COVID-19, Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan (KKM) mencukupi untuk menempatkan pesakit COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, penyediaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) ialah antara langkah kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi penularan wabak berkenaan.

"Hari ini (semalam) saya melawat kerja akhir penyediaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di MAEPS yang dibina sebagai persediaan bagi menempatkan pesakit COVID-19 jika bilangan kes positif wabak ini terus meningkat.

"Ia mampu menempatkan sehingga 600 orang pesakit COVID-19 pada satu-satu masa dan usaha ini diselenggarakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan kerjasama enam pihak lain.

"Antaranya ialah Kementerian Kesihatan (KKM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya menerusi kenyataan dimuat naik di akaun Facebook rasminya, semalam.

Sambil meluahkan masa meninjau persiapan akhir itu, Muhyiddin berkata, antara perhid-

matan disediakan di pusat berkenaan ialah rawatan klinikal dan wad pesakit dalam untuk pesakit COVID-19.

Katanya, ruang resuscitation (resusitasi) untuk menstabilkan pesakit dalam keadaan kecemasan, perkhidmatan ambulans, perkhidmatan farmasi, perkhidmatan sinar-X dan perkhidmatan makmal patologi turut disediakan.

"Kemudahan disediakan kepada pesakit termasuk katil, meja, kerusi, lokar, televisyen, ruang legar, jalur lebar, komputer, surau, sistem kamera litar tertutup (CCTV), tandas, ruang mandi, bilik persalinan dan ruang istirahat.

"Bagi anggota yang bertugas pula, pusat ini menyediakan kaunter jururawat, bilik rawatan dan kecemasan, ruang rehat anggota, bilik persalinan anggota dan ruang mandi termasuk ruang persalinan pakaian perlindungan persendirian, selain bilik mesyuarat dan seminar," katanya.

Sementara itu, kerajaan semalam menerima sumbangan RM4.25 juta daripada lima syarikat untuk disalurkan ke Tabung COVID-19.

Sumbangan disampaikan wakil syarikat masing-masing kepada Perdana Menteri dalam satu majlis ringkas di Perdana Putra, Putrajaya.

Syarikat Naza Corporation Holdings Sdn Bhd menyumbangkan RM1.25 juta yang disampaikan Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, SM Nasaruddin SM



Muhyiddin meninjau persiapan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di MAEPS, Serdang semalam. (Foto BERNAMA)

Penyediaan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) ialah antara langkah kesiapsiagaan kerajaan dalam menghadapi penularan wabak berkenaan.

Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri



Muhyiddin menerima replika cek RM1.25 juta untuk Tabung COVID-19 daripada SM Nasarudin di Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Nasimuddin.

Pengerusi Eksekutif Puncak Niaga Holdings Berhad, Tan Sri Rozali Ismail dan Pengarah E-Idaman Sdn Bhd, Zaki Abdul Aziz Daud, masing-masing menghulurkan sumbangan RM1 juta.

Presiden Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA), Datuk Zainuddin Abd Rahman, pula me-

nyumbangkan RM500,000.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Leong Hup International Berhad, Tan Sri Francis Lau, tampil memberikan dua unit ventilator dan peruntukan bernilai RM500,000.

Penerbit dan Ketua Pegawai Eksekutif The Edge Media Group, Datuk Ho Kay Tat, menyumbangkan peralatan dan keperluan ke-

sihatan bagi mendepani COVID-19 bernilai RM21 juta.

Semua sumbangan pelbagai pihak itu setakat ini menjadikan jumlah wang terkumpul, termasuk geran kerajaan sebanyak RM14.2 juta.

Tabung COVID-19 dilancarkan 11 Mac lalu, sebagai usaha kerajaan membantu rakyat terjejas ekoran wabak itu.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

SELASA, 31 MAC 2020

5

Nasional

Penularan COVID-19

PKPD dilaksanakan jika kes meningkat mendadak

Pantau perkembangan setiap Zon Merah terlebih dulu sebelum laksana keputusan

Putrajaya: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan sekiranya berlaku peningkatan kes secara mendadak di sebuah kawasan yang dikelaskan sebagai Zon Merah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata buat masa ini, pihaknya melihat perkembangan di setiap Zon Merah terlebih dulu sebelum membuat keputusan berhubung pelaksanaan PKPD di lokasi tersebut.

"Buat masa ini, kita melihat dulu perkembangan kes di kawasan berkenaan. Selain Zon Merah, kita turut mengenal pasti Zon Kuning, iaitu kawasan yang mempunyai 21 hingga 40 kes.

"Jika ada peningkatan kes mendadak, Kementerian Kesihatan (KKM) akan segera mengambil tindakan drastik seperti yang dilakukan di dua daerah, iaitu Kluang serta Hulu Langat," katanya pada sidang media harian, di sini, semalam.

Sebelum ini, *BH* melaporkan PKPD wajar diperluaskan segera jika masih ramai mengingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), terutama di lokasi diisytiharkan sebagai Zon Merah.

Pakar Kriminologi dan Psikologi, Program Sains Forensik, Pusat Pengajian Sains Kesihatan,



Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah sedang giat disediakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Serdang.

Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Geshina Ayu Mat Saat, dipetik berkata langkah itu adalah jalan terbaik sebagai usaha drastik mengawal penularan wabak COVID-19.

Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid di Simpang Renggam, Kluang, Johor, dikenakan PKPD sejak Jumaat lalu susulan jumlah jangkitan COVID-19 yang tinggi di lokasi tersebut.

PKPD turut dikuatkuasakan di kawasan Batu 21 hingga Batu 24 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor; membabitkan tujuh kampung bermula semalam hingga 13 April depan.

Mengulas penularan wabak COVID-19 di Hulu Langat, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 271 kes telah dilaporkan di daerah berkenaan dan jumlah itu adalah kadar yang tinggi.

"Daripada jumlah itu, 90 kes membabitkan Maahad Tahfiz An-Nabawiyah dan ia besar kemungkinan daripada kluster tabligh. Kluster itu kini sudah memasuki generasi kelima dan berkemungkinan ada antara mereka menetap di kawasan Hulu Langat dan Sungai Lui," katanya.

Beliau berkata, Hulu Langat pada mulanya hanya mencatatkan 71 kes tetapi apabila KKM memasuki kawasan tersebut, didapati ada peningkatan terhadap jumlah berkenaan.

"Meningkat 91 kes, iaitu 90 kes di madrasah dan satu kes di luar madrasah tersebut," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata PKP berbeki dua minggu yang dilaksanakan di negara ini menjadi penentu sama ada usaha untuk memecahkan rangkaian transmisi COVID-19

berjaya atau sebaliknya.

Katanya, pihaknya yakin perkara itu dapat dicapai sekiranya rakyat menjalankan disiplin seperti yang sering diingatkan oleh kerajaan.

"Sekarang kita sudah selesai dua minggu tempoh PKP dan dua minggu lagi akan menyusul. Sekiranya masyarakat mengamalkan disiplin seperti duduk di rumah, pihak KKM pula giat menjalankan kegiatan pengesanan kes yang aktif, contohnya mengenal pasti beberapa kelompok sasaran seperti jemaah, tahfiz dan Rohingya, sudah tentu kita akan dapat memecahkan rangkaian berkenaan.

"KKM pada dasarnya menasihatkan mereka (kelompok sasaran) lebih awal. Kemudian barulah boleh memecahkan rangkaian berkenaan," katanya.

70 hospital untuk saringan, 38 sedia rawatan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mempertingkatkan kapasiti pengendalian kes COVID-19 menerusi pertambahan jumlah hospital untuk mengendalikan saringan dan rawatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata untuk tujuan saringan 70 hospital disediakan berbanding 57 sebelum ini.

Bagi tujuan rawatan COVID-19 pula, jumlah hospital dipertingkatkan daripada 26 sebelum ini kepada 38.

"Pertambahan jumlah hospital ini dibantu melalui kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dengan tujuh daripadanya dikhususkan untuk tujuan rawatan pesakit COVID-19.

"Dengan pertambahan jumlah hospital juga, bilangan katil untuk tujuan rawatan COVID-19 turut bertambah kepada 3,994 katil," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kementerian juga merancang menambahkan bilangan katil menerusi pengenalpastian dan penubuhansuaian Institut Latihan KKM untuk digunakan sebagai pusat kuarantin dan rawatan dengan kapasiti 1,997 katil.

"Fasiliti lain juga turut dikenal pasti, misalnya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) yang menyediakan 600 katil," katanya.

Mengenai kluster tabligh ijtihad di Masjid Seri Petaling, KKM sudah menyangkir 18,271 jemaah dan 14,111 sampel sudah diambil setakat ini.

"Daripada jumlah berkenaan 1,290 sampel disahkan positif, manakala 8,083 lagi negatif," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham menasihatkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara supaya mengasingkan diri dengan ahli keluarga atau orang yang tinggal serumah selama 14 hari, 24 jam sehari.

Dalam tempoh itu mereka dinasihatkan mengambil langkah pencegahan seperti amalan kebersihan diri yang baik, kerap mencuci tangan dan menjarakkan diri.

"Dalam tempoh 14 hari itu, anda juga diminta memantau diri untuk sebarang gejala seperti demam, batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas dan sekiranya mengalami mana-mana gejala berkenaan, segera buat panggilan ke fasiliti kesihatan terdekat dan maklumkan status kepada petugas kesihatan," katanya.

Jumlah pulih paling ramai semalam

Putrajaya: Sebanyak 91 kes sudah pulih daripada jangkitan COVID-19 direkodkan semalam, menjadikannya jumlah terbesar pesakit pulih dalam satu masa setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata secara keseluruhan sebanyak 479 kes atau 18.2 peratus pesakit sudah sembuh di negara ini.

Bagi kes baharu pesakit yang positif yang dilaporkan semalam ialah 156, menjadikan kes positif

di negara ini sebanyak 2,626.

"Hingga kini seramai 94 pesakit kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah berkenaan, 62 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham turut menyanjatkan ada tiga kematian dilaporkan di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) setakat tengah hari semalam menjadikan jumlah ku-

mulatif kes kematian berkaitan COVID-19 kini 37.

"Kes kematian ke-35 ialah seorang wanita berusia 57 tahun dan ada latar belakang penyakit kencing manis serta sejarah perjalanan ke Indonesia. Beliau dirawat di Hospital Sungai Buloh dan disahkan meninggal dunia pada 29 Mac 2020 jam 4 petang.

"Bagi kematian ke-36, ialah seorang lelaki warganegara Malaysia berusia 47 tahun dan dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 23 Mac sebelum disahkan me-

ninggal pada jam 8.10 pagi.

"Kes kematian ke-37 pula, beliau ialah seorang wanita berusia 46 tahun dan mempunyai penyakit darah tinggi dan penyakit autoimun. Beliau dirawat di Hospital Miri, Sarawak dan disahkan meninggal dunia pada 30 Mac 2020 jam 9.02 pagi," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai pesakit termuda bayi 12 hari yang dijangkiti COVID-19, Dr Noor Hisham berkata bayi berkenaan masih di bawah pemantauan hospital.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

BH SELASA, 31 MAC 2020

Nasional

Penularan COVID-19

Simpanan bekalan ubat di hospital mencukupi

Orang ramai tidak perlu bimbang: Dr Adham

Kuala Lumpur: Simpanan bekalan ubat di pusat perkhidmatan kesihatan seluruh negara ketika ini mencukupi untuk merawat COVID-19 dan penyakit lain.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata semakan semasa terhadap bekalan ubat di hospital mendapati Chloroquine, Hydroxychloroquine serta kombinasi Lopinavir/Ritonavir masih berupaya menampung kes penularan COVID-19.

Beliau berkata, bekalan ubat untuk merawat pesakit yang

menghidap penyakit lain dan ditempatkan di hospital berbeza susulan pengurusan krisis wabak berkenaan, juga mencukupi.

"KKM (Kementerian Kesihatan) mempunyai simpanan bekalan (ubat) mencukupi, sama ada untuk COVID-19 atau penyakit lain.

"Oleh itu, tidak perlu bimbang," katanya ketika dihubungi dalam program *Selamat Pagi Malaysia*, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, kelmarin dilaporkan berkata penggunaan tiga jenis ubat itu yang digunakan untuk merawat COVID-19 di Malaysia dilihat memberikan kesan.

Kaedah rawatan itu merujuk kepada Chloroquine dan Hydroxychloroquine yang sebelum ini digunakan untuk pesakit malaria, namun kini diberi ke-



KKM mempunyai bekalan ubat yang mencukupi untuk rawatan pelbagai penyakit dan orang ramai tidak perlu bimbang. (Foto hiasan)



Dr Adham Baba

pada individu dijangkiti COVID-19 kerana ia bersifat antiradang.

Ditanya mengenai jangkaan keberkesanan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan hingga 14 April depan pula, Dr Adham berkata, segenap lapisan masyarakat wajar memberi kerjasama dengan hanya duduk

di rumah sepanjang tempoh arahan itu berkuat kuasa.

"Kita mesti akur dengan PKP dan PKPD (Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan) yang kini diperluaskan mencakupi dua lokasi utama di Malaysia.

"PKPD ini jelas memperuntukkan bahawa tiada sesiapa dibenarkan keluar masuk sepanjang tempoh ia berkuat kuasa, justeru akur dengan arahan terbabit untuk kita menghentikan penularan COVID-19.

"Kita akan menghantar pasukan perubatan untuk melakukan saringan dari rumah ke rumah, namun tugas ini tidak dapat dilaksanakan jika mereka mengingkari arahan.

"Paling penting sekarang ialah duduk di rumah. Bersama kita boleh memutuskan rantaian penularan COVID-19," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8

Nasional

SELASA, 31 MAC 2020 **BH**

PM ucap 'Selamat Hari Doktor'

Pelbagai pihak
zahirkan
penghargaan
kepada pegawai
perubatan

Kuala Lumpur: Ketika dunia kini dilanda wabak COVID-19, ramai terpaksa membataskan pergerakan sehingga menjarakkan diri antara satu sama lain kerana bimbang dijangkiti.

Namun, ada insan tetap mera-

pati dengan penuh bertanggungjawab demi memastikan sesiapa saja dirawat sehingga pulih.

Begitulah gambaran peribadi mulia golongan bergelar doktor - jasa dan pengorbanan mereka harus dihargai sewajarnya.

Sempena Hari Doktor Sedunia disambut pada 30 Mac setiap tahun, ramai dalam kalangan warganet daripada pelbagai latar belakang, termasuk kepimpinan negara, menzahirkan ucapan penghargaan kepada golongan doktor.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, antara yang mengucapkan 'Selamat Hari Doktor'

dalam laman Facebook beliau semalam, dengan turut berterima kasih kepada semua barisan hadapan yang berkhidmat untuk negara.

Turut menzahirkan penghargaan sama ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, melalui laman Facebook beliau dengan ucapan 'Selamat Hari Doktor Sedunia. Terima kasih atas khidmat dan bakti yang dicurahkan'.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antara-Bangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pengorbanan doktor amat ber-

makna kepada negara.

"Sempena Hari Doktor Sedunia, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua doktor yang bekerja siang dan malam, menggalas tugas amat berat dan terus berkhidmat untuk negara. Ini satu usaha dan pengorbanan yang amat bermakna buat Malaysia. Terima kasih," katanya dalam laman Twitter beliau.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan, turut memuat naik sebuah poster dalam Facebook beliau yang tertulis 'Selamat Hari Doktor. Terima kasih atas khid-

mat tanpa lelah, terima kasih berkorban masa dan tenaga, terima kasih untuk segalanya'.

Takiyuddin berkata, pepatah Inggeris menyatakan *an apple a day keeps the doctor away* tetapi ketika dunia berhadapan pandemik COVID-19, pepatah itu tidak sesuai.

"Doktor, jururawat, malah kakitangan perubatan secara keseluruhan merupakan nadi barisan hadapan yang sangat banyak membantu kita menghadapi detik getir ini. Terima kasih semua. Jasa kalian memang tidak terbalas," demikian catatannya.

BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL

4A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Selasa 31.03.2020 | Harian Metro

lokal

KKM SEDIA 3,994 KATIL



Persediaan sudah dilakukan sejak Februari lalu sebelum PKP dilaksanakan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bagi menampung persediaan menangi Covid-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan 3,994 katil untuk digunakan

pada bila-bila masa. Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, persediaan awal sudah dilakukan KKM dalam perkhidmatan hospital untuk menangi Covid-19 sejak Februari lalu sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Menurutnya, sejak 18 Mac lalu, KKM sudah mengenal pasti 57 hospital saringan dan 26 hospital yang menyediakan rawatan Covid-19.

"Pada ketika itu, jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 790 kes berbanding 2,626 kes pada hari ini dan kini terdapat peningkatan 70 hospital yang menyediakan perkhidmatan saringan di semua negeri berbanding 57 sebelum ini.

"Hospital merawat Covid-19 juga bertambah

daripada 26 kepada 38 buah melalui kerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia dan pihak hospital universiti iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya dengan tujuh daripada hospital berkenaan dikhususkan untuk rawatan pesakit Covid-19," katanya dalam sidang media di Putrajaya, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM juga sedang merancang menambah bilangan katil menerusi pengubahsuaian Institut Latihan KKM (ILKKM) bagi menjadi pusat kuarantin dan rawatan dengan jumlah katil sebanyak 1,937 buah.

Katanya, kapasiti ILKKM masih boleh dipertingkatkan mengikut keperluan selain Malaysian Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) berupaya menyediakan 600 katil.

Dalam sidang media sama, beliau berkata, bagi kluster tabligh ijtimaq di Masjid Seri Petaling, KKM sudah menyaring 18,271 jemaah dan 14,111 sampel sudah diambil setakat ini. Katanya, daripada jumlah berkenaan, 1,290 sampel adalah positif manakala 8,083 lagi negatif.

"Hospital merawat Covid-19 juga bertambah daripada 26 kepada 38 buah"
Dr Noor Hisham

Buat 300 saringan sehari di Simpang Renggam

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyasarkan tempoh 10 hari bagi melengkapkan saringan Covid-19 bagi penduduk Simpang Renggam yang kini dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga kini proses pengambilan sampel sedang dijalankan di kawasan berkenaan dengan menggunakan kaedah dari rumah ke rumah.

Menurutnya, dengan kemampuan sedia ada, KKM dapat menjalankan 300

saringan sehari dengan jumlah keseluruhan penduduk 3,000 orang.

"Menerusi kerjasama pelbagai agensi lain, proses nyahkuman dan nyahcemar kini giat dijalankan di kawasan yang terjejas.

"KKM juga akan jalankan pemeriksaan dari rumah ke rumah untuk pastikan golongan sasar dikesan seterusnya ujian saringan dapat dilakukan segera," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Dua kampung berkenaan adalah Kampung Dato' Ibrahim Majid dan Bandar Baharu Dato' Ibrahim Majid diarahkan untuk menjalani PKPD bermula 26 Mac

hingga 9 April ini.

Dalam pada itu, KKM juga bekerjasama rapat dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) Malaysia bagi membantu mengesan warga Rohingya yang menyertai ijtimak tabligh di Masjid Sri Petaling hujung bulan lalu.

"Kami juga meminta badan bukan kerajaan (NGO) yang mengenali kumpulan ini agar meminta mereka datang menjalani ujian saringan segera.

"Kami percaya mereka juga hadir dan jika positif mereka akan menjalani proses isolasi di premis KKM yang ditetapkan," katanya.



PKPDAS memeriksa suhu badan orang awam yang ingih masuk ke sebuah farmasi di ibu kota.



Malaysia catat 37 kematian

Kuala Lumpur: Sebanyak 37 kematian dicatatkan di negara ini akibat Covid-19 sehingga jam 12 tengah hari, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kematian terbaharu itu membabitkan dua wanita dan seorang lelaki berusia antara 46 hingga 57 tahun.

Menurutnya, bagi ketiga-tiga kematian, pesakit menerima rawatan sejak Sabtu lalu di Hospital Sungai Buloh, Hospital Umum Sarawak, Kuching dan Hospital Miri.

"Bagi mangsa ke-35, wanita tempatan yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan sejarah perjalanan

ke Indonesia disahkan meninggal dunia pada 29 Mac jam 4 petang.

"Mangsa ke-36 daripada kes 1,941 adalah lelaki tempatan dirawat sejak 23 Mac dan disahkan meninggal dunia hari ini (semalam) jam 8.10 pagi.

"Manakala mangsa ke-37 daripada kes 2,471 adalah perempuan disahkan meninggal dunia hari ini (semalam) jam 9.02 pagi dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan penyakit autoimun," katanya dalam sidang media di Putrajaya, semalam.

Dalam sidang media sama, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

merekodkan kes pulih terbesar setakat ini dengan 91 kes, semalam.

Beliau berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang sudah pulih sepenuhnya dari Covid-19 dan discaj daripada wad adalah sebanyak 479 kes.

"Sehingga hari ini (semalam) jam 12 tengah hari, terdapat 156 kes baharu yang dilaporkan dan menjadikan jumlah kes positif di Malaysia adalah sebanyak 2,626 kes.

"Sehingga kini, seramai 94 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan 62 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO


MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL

10 • www.hmetro.com.my @hmetro my HarijanMetro @hmetro my

lokal

Selasa 31.03.2020 | Harian Metro



PANDEMIK COVID-19

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin, Mohd Amin Jalil, Syaherah Mustafa, Omar Ahmad
ana@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Sebanyak 47 lokasi diklasifikasi sebagai zon merah dan jingga bagi penularan wabak Covid-19 di enam negeri menjalani proses sanitasi awam serentak semalam dan hari ini.

Sanitasi awam serentak

47 lokasi dipilih berdasarkan indikasi KKM mengikut kadar kes dilapor

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin berkata, kerajaan menerima 100,000 liter cecair kimia hasil sumbangan program tanggungjawab sosial (CSR) untuk melakukan sanitasi awam di seluruh negara.

"Pemilihan 47 lokasi membabitkan 23 zon merah dan 24 zon jingga berdasarkan indikasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengikut kadar kes dilaporkan di kawasan berkenaan.

"Proses ini dilakukan membabitkan beberapa pihak iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

(JBPM), Alam Flora, Polis Diraja Malaysia (PDRM), pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan KKM," katanya ketika ditemui pada Program Sanitasi Awam di Pasar Besar Jalan Othman di sini, semalam.

Zuraida berkata, pelaksanaan sanitasi awam bagi menjadikan kawasan terabit selamat, sekali gus memberikan keyakinan kepada orang awam mengenai tahap keselamatan pengunjung dan peniaga.

"Saya difahamkan semburan bahan kimia itu membolehkan kuman serta virus Covid-19 dibasmi da-

lam tempoh lima minit di kawasan itu.

"Malah, bahan kimia dalam semburan itu difuluskan KKM untuk diguna pakai dan diyakini tidak mendatangkan implikasi buruk kepada manusia," katanya.

Ketua Pengarah JBPM Datuk Mohammad Hamdan Wahid yang menghadiri program itu berkata, 51 anggota terdiri daripada Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) dan pasukan bantuan bomba terbabit dalam program sanitasi awam di semua lokasi itu.

"Pihak bomba melakukan proses sanitasi di dalam kawasan bangunan manakala

kawasan luar bangunan dilakukan syarikat konsesi dilantik Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)," katanya.

Di Johor Bahru, JBPM Johor melaksanakan operasi di dua kawasan zon merah negeri ini.

Pengarahnya, Datuk Yahya Madis berkata, operasi sanitasi berjalan serentak di Kampung Datuk Ibrahim Majid, Simpang Renggam dan Kampung Sinaran Baru, Kempas.

Katanya, mengikut data KKM, Kampung Sinaran Baru antara kawasan mempunyai kes positif Covid-19 tinggi.

Di Kota Bharu, Kelantan pula, 110 anggota daripada pelbagai agensi keselamatan dan penguatkuasa, bergabung tenaga menjalankan operasi sanitasi awam di kawasan tumpuan.

Selain Pasar Tok Guru, Cabang Tiga, Pengkalan Chepa, JBPM melakukan sanitasi di Penjara Pengkalan Chepa serta pusat pemantauan (HSC) Institusi Pendidikan Guru Kota Bharu dan Pasar Siti Khadijah.

Usaha sarna turut dilaksanakan di Seremban apabila 10 agensi kerajaan dengan 164 anggota bergabung tenaga menjayakan program sanitasi awam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL



MUHYIDDIN luang masa melihat persiapan akhir di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah, semalam.

PM tinjau pusat kuarantin di MAEPS

Kuala Lumpur: Perdana Menteri meluangkan masa meninjau fasa akhir persiapan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), semalam.

Tan Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan pusat kuarantin itu dibina sebagai persediaan menempatkan pesakit Covid-19 jika jumlah kes positif wabak itu terus meningkat.

Katanya, pusat itu mampu menempatkan sehingga 600 pesakit Covid-19 pada satu-satu masa.

"Ia diselaraskan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Angkatan Tentera Malaysia

(ATM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Antara perkhidmatan disediakan di pusat ini ialah perkhidmatan klinikal, wad pesakit, ruang menstabilkan pesakit dalam keadaan kecemasan, ambulans, farmasi, imbasan sinar X (X-ray) dan makmal patologi," katanya dalam hantaran Facebook, semalam.

Beliau berkata, fasiliti yang disediakan kepada pesakit termasuk katil, meja, kerusi, loker, televis-

yen, ruang santai, WiFi, komputer, suarau, kamera litar tertutup (CCTV), tandas, ruang mandi, bilik persalinan dan ruang istirahat.

Beliau berkata, bagi anggota bertugas pusat ini menyediakan kaunter jururawat, bilik rawatan dan kecemasan, ruang rehat anggota, bilik persalinan anggota dan ruang mandi termasuk ruang *Donning/doffing* Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) serta ruang mesyuarat dan seminar.

Ketika ini kapasiti di hospital Covid-19, Pusat Kusta dan Institut Latihan KKM cukup untuk menempatkan pesakit.

Pusat Kuarantin di MAEPS mampu menempatkan sehingga 600 pesakit

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SELASA 31 MAC 2020 • SINAR HARIAN

MEMERANGI WABAK COVID-19

'Dua minggu ini jadi penentu'

Sama ada usaha memecahkan rangkaian jangkitan Covid-19 berjaya atau tidak

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Tempoh dua minggu terakhir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berakhir 14 April ini menjadi penentu sama ada usaha untuk memecahkan rangkaian jangkitan Covid-19 berjaya ataupun sebaliknya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hasil PKP nanti bergantung kepada disiplin rakyat Malaysia.

"Kita telah menyelesaikan dua minggu (PKP) dan dua minggu lagi terpulung kepada anda dan saya," katanya pada sidang media di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan optimis dapat meratakan lengkungan kes dan mengelakkan kenaikan mendadak.

"Jika semua mematuhi perintah PKP dan kami di Kementerian Kesihatan Malaysia



DR NOOR HISHAM

(KKM) akan meningkatkan pengesanan kes yang aktif, kita akan dapat pecahkan rantaian jangkitan tersebut," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan membuat keputusan sama ada tempoh PKP dilanjutkan atau tidak pada awal April ini bergantung kepada perkembangan terkini dan tiada kes positif yang naik mendadak dilaporkan.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham melahirkan kebimbangan sekiranya kes positif naik mendadak.

"Jikalau perintah PKP tidak berjaya, ramalan JP Morgan Chase & Co dan laporan Institut Kajian Ekonomi Malaysia bahawa negara ini mencapai kes

kemuncak pada April ini akan menjadi kenyataan," katanya.

Menurutnya, individu yang telah diarahkan untuk menjalani perintah pengawasan dan perhatian di rumah perlu memepati arahan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Memang ada yang ingkar. Keluar dari rumah. Kita akan lihat kemungkinan untuk kuatkuasakan tindakan sama ada untuk terus tinggal di rumah atau tinggal di pusat kuarantin yang ditetapkan.

"KKM ingin menasihatkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara perlu mengasingkan diri anda daripada bergaul rapat dengan ahli keluarga atau orang yang tinggal serumah dengan anda selama 14 hari, 24 jam sehari," katanya.

Mengulas mengenai perkembangan jangkitan Covid-19 di Hulu Langat, beliau berkata, jumlah kes positif Covid-19 di daerah itu telah meningkat kepada 271 setakat tengah hari semalam.

Daripada jumlah itu, katanya, sebanyak 90 kes adalah di sekolah tahfiz di Sungai Lui. Beliau mengesahkan punca penularan wabak tersebut daripada kluster tabligh.

Kes pulih terbesar direkodkan

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan kes pulih terbesar semalam dengan 91 kes sepanjang tempoh negara dilanda wabak Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu terdiri daripada pelbagai kluster termasuk tabligh.

"Ada banyak (kluster) telah pulih dan dibenar pulang hari ini (semalam)," katanya di sini semalam.

